

28 SEP 2003

Jalan-Persekutuan

KERAJAAN PERSEKUTUAN DIMINTA CAMPURTANGAN SELESAI NAIK TARAF JALAN MAUT

SHAH ALAM, 28 Sept (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan diminta campurtangan bagi memastikan projek naik taraf jalan utama dari Klang ke Kuala Selangor yang sehingga kini sudah meragut lebih 30 nyawa sejak tahun lepas, disiapkan segera.

Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Sementa Datuk Abdul Rahman Palil berkata, tidak ada tanda-tanda jalan sejauh 60km itu boleh disiapkan pada akhir tahun ini walaupun ada kenyataan sebelum ini yang menyebut demikian dan seperti dijadualkan.

"Keadaan permukaan jalan sangat buruk dan tidak ada papan tanda keselamatan sepanjang jalan berkenaan. Saya dukacita dengan keadaan ini dan masalah ini sebenarnya sering menjadi isu utama setiap kali pertemuan atau dialog antara saya bersama penduduk.

"Saya harap rungutan mereka mendapat perhatian pihak berkenaan. Projek ini perlu disiapkan segera agar masalah ini tidak terus menghantui penduduk sekitar dan pengguna jalan raya," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri program Hari Keluarga Majlis Belia Selangor (MBS) di sini hari ini.

Beliau yang juga Presiden MBS meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu campur tangan bagi membolehkan projek menaik taraf jalan yang menelan belanja kira-kira RM500 juta itu disiapkan segera.

Projek itu dimajukan anak syarikat Tabung Haji dan dikelolakan di bawah pengurusan kerajaan Persekutuan.

Menurut Abdul Rahman beliau difahamkan peratusan kerja-kerja yang tidak siap untuk projek jalan berkenaan adalah terlalu tinggi.

Katanya, jalan itu perlu disiapkan segera kerana ia adalah nadi dan jalan utama bagi penduduk di kawasan itu dan laluan berkenaan akan terlalu sibuk pada musim perayaan akan datang.

-- BERNAMA

SHS KHY BK